



TIGA bersaudara ditahan ketika mereka sedang memproses air daun ketum di rumah masing-masing di Jerlun semalam.

# Hanya tahu proses daun ketum

**JERLUN** - "Saya hanya tahu jual air ketum sahaja...yang lain (kerja) saya tidak berkemahiran."

Demikian alasan yang diberikan oleh seorang remaja berusia 20 tahun yang ditahan kerana terlibat memproses dan menjual air daun ketum di sebuah rumah di Kampung Tandop Kedabu, Kuala Jerlun di sini sema-

lam.

Menurut anak kedua daripada enam beradik itu, dia mula berkecimpung menjual air daun ketum selepas terkandas untuk meneruskan pembelajaran di peringkat sekolah menengah.

"Saya tidak pandai menngaji (belajar) cuma setakat sekolah menengah sahaja. Saya sering dimarahi ibu te-

*Kosme*

*21/07/2010*

tapi saya tiada pilihan," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Dakwanya, dalam sehari, dia mampu menjual antara 100 hingga 200 bungkus dengan harga RM1.50 setiap satu.

"Sebahagian besar pelanggan adalah nelayan di kawasan ini dan mereka sering datang ke rumah untuk

*MIS 6*

mendapatkan bekalan.

"Selain menanam pokok ketum, saya turut membelinya di kawasan berhampiran untuk diproses," ceritanya yang kali pertama ditahan.

Menurut remaja itu, hasil jualan diberikan kepada bapa yang mengusahakan kebun di kawasan Padang Terap.